

## **PROGRAM WANITA NEGERI KELANTAN DI BAWAH DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM: PENCAPAIAN DAN CABARAN**

Nurul Akma bt Mohamed @ Sheikh Mohd Amin  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan  
Tel: +6013-9968751, E-mail: ummuafif@gmail.com

Prof. Madya Dr. Shukeri bin Mohamed  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan  
Tel: +6019-9897547, E-mail: shukeri@um.edu.my

### **Abstrak**

*Dasar Membangun Bersama Islam yang telah mula dilaksanakan di Negeri Kelantan sejak tahun 1990 hingga kini membuktikan satu komitmen yang serius daripada pihak Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan Siyasah Syar'iyyah dalam pentadbiran. Pihak kerajaan negeri melalui dasar tersebut juga telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan bagi menjaga kepentingan wanita dan seterusnya memberi kesan secara langsung terhadap keluarga dan masyarakat. Kertas ini akan membincangkan tentang dua persoalan utama iaitu (1) Sejauh mana pencapaian Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan program yang menjaga kepentingan wanita, dan (2) Apakah cabaran yang telah dihadapi oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan agenda yang besar itu. Kertas ini diharap dapat menambahkan koleksi pengajian Siyasah Syar'iyyah bagi faedah pembangunan umat Islam. Data-data kajian dikumpul melalui dokumen rasmi yang diterbitkan dan tidak diterbitkan dan melalui kaedah temubual terhadap pihak yang terlibat dengan pelaksanaan program-program wanita sendiri. Perbincangan ini penting bagi memperlihatkan bagaimana pendekatan keislaman dalam pentadbiran negeri telah memberi sumbangan yang signifikan dalam memelihara kepentingan wanita meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran.*

**Kata kunci:** Wanita, Kelantan, Dasar Membangun Bersama Islam, Siyasah Syar'iyyah

### **1. Pendahuluan**

Dasar Membangun Bersama Islam telah mula dimasyhurkan sebagai dasar utama pentadbiran negeri Kelantan pada tahun 1990. Semenjak itu, nilai-nilai keislaman telah mencorak pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dalam pelbagai bidang dan sektor termasuk pendidikan, pelancongan, ekonomi, hiburan, kebudayaan, hal ehwal belia, hubungan antara kaum dan lain-lain. Tidak ketinggalan, kerajaan negeri Kelantan juga telah menekankan nilai dan pendekatan keislaman yang khusus terhadap golongan wanita di negeri Kelantan sejak dari awal pentadbiran. Langkah-langkah awal untuk memelihara kedudukan wanita berpandukan syarak telah dijalankan dengan segera selaras dengan dasar umum Kerajaan Negeri Kelantan untuk “Membangun Bersama Islam”.

Setelah 25 tahun melaksanakan pentadbiran di bawah dasar tersebut, pelbagai pencapaian telah berjaya dicapai oleh pihak kerajaan negeri termasuk dalam melaksanakan program-program wanita, meskipun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran sebagai sebuah negeri yang ditadbir oleh pakatan pembangkang yang beraspirasikan Islam.

Artikel ini akan membincangkan tentang pencapaian empat program wanita terpilih di bawah dasar “Membangun Bersama Islam”. Ia juga akan mengupas mengenai cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kelantan secara umum dan pihak Urus Setia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan (UPWK) sebagai penyelaras utama secara khusus.

## 2. Dasar Membangun Bersama Islam Memartabatkan Wanita

Umum mengetahui bahawa setelah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri Kelantan pada 21 Oktober 1990 bersama dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU), kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dilihat begitu serius dan berani mula melaksanakan nilai-nilai Islam secara terbuka di dalam sistem politik dan pentadbiran dengan memperkenalkan dasar Membangun Bersama Islam (Mohd Fadli Ghani 2011). Pembentukan dasar Membangun Bersama Islam sejak tahun 1990 sebenarnya merupakan aplikasi terhadap manifesto PAS Kelantan atau Program PAS Negeri Kelantan dalam Pilihanraya Umum 1990 yang bertema “Membangun Bersama Islam”. Setelah memenangi pilihanraya tersebut, manifesto yang dikemukakan itu telah diterima dan disahkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kelantan sebagai rujukan dalam membina kerangka dasar bagi perancangan program dan projek pembangunan Negeri Kelantan (Mohd Fadli Ghani 2011).

Setelah satu seminar untuk memahami dasar “Membangun Bersama Islam” diadakan pada tahun 1993, semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan telah memulakan usaha untuk membina dasar-dasar khusus bagi setiap portfolio masing-masing. Sejak daripada itulah bermulanya usaha untuk membentuk dasar-dasar yang menyokong kepada pelaksanaan dasar utama “Membangun Bersama Islam”. Antaranya ialah Dasar Kebudayaan, Dasar Pelancongan, Dasar Belia, Dasar Wanita dan diperlengkap dengan pindaan beberapa enakmen seperti Enakmen Kekeluargaan Islam, Enakmen Jenayah Syariah II (Hudud) dan Enakmen Kawalan Hiburan. Sementara pihak Setiausaha Kerajaan Negeri turut mengeluarkan beberapa pekeliling pentadbiran untuk dipatuhi oleh pegawai dan kakitangan awam negeri (Mohd Fadli Ghani 2011).

Merujuk kepada Kertas Dasar “Membangun Bersama Islam” yang didokumenkan semula pada tarikh 11 Julai 2006, takrifan kepada dasar ini telah dirakamkan sebagaimana berikut:

*Justeru itu maksud Membangun Bersama Islam bagi kerajaan negeri Kelantan ialah perlaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan ketiauan kepada agama dan tidak memudaratkan sosial dan moral manusia, demi mencapai keredaan Allah.*

Visi kepada dasar ini pula disebut sebagai:

*Menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang terlaksananya nilai-nilai hidup Islam dan mendapat keredaan Allah.*

Misinya pula ialah:

*Melaksanakan agenda pembangunan negeri dan ummah berdasarkan ajaran Islam yang syumul melalui pembangunan insan dan perancangan yang strategik.*

Manakala objektif dasar “Membangun Bersama Islam” ialah:

1. *Memperbetulkan pemahaman yang menafikan dasar-dasar Islam di dalam merealisasikan program pembangunan yang menyeluruh. Sekaligus akan meletakkan program pembangunan berlandaskan syariat Islam di Kelantan seiring dengan kehendak masyarakat majmuk dan pelaksanaan pembangunan berlandaskan syariat Islam memberi manfaat kepada semua kaum dalam negara ini; dan sekaligus meyakinkan masyarakat Kelantan khasnya dan masyarakat Malaysia amnya bahawa masyarakat majmuk bukanlah menjadi penghalang kepada pelaksanaan syariat Islam.*
2. *Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Islam ke arah merealisasikan anggota masyarakat Kelantan sebagai khalifah Allah yang bertaqwa, produktif, progresif dan menghayati kemajuan mengikut cara hidup Islam (dinul Islam).*
3. *Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Islam dalam kerangka menggerak yang makruf dan mencegah yang mungkar atas keyakinan bahawa pendekatan ini memacu pembangunan negeri menuju kemenangan (falah) dan menghindari kerosakan (fasad).*
4. *Melaksanakan dasar pembangunan negeri bukan semata-mata atas perkiraan keuntungan berdasarkan prinsip persaingan yang tidak sihat tetapi menekankan keseimbangan di antara kemajuan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.*

Dalam memastikan objektif-objektif tersebut dapat direalisasikan sebaik mungkin, dasar Membangun Bersama Islam memberi tumpuan kepada lima aspek berikut iaitu:

1. Melaksana Syariat Islam
2. Pembangunan Pendidikan
3. Pembangunan Ekonomi
4. Pembangunan Pentadbiran
5. Pembangunan Sosial dan Budaya

Menurut Shukeri Mohamad (2009), pendekatan keislaman yang dibawa melalui dasar “Membangun Bersama Islam” sebenarnya telah mengambil bentuk Siyasah Syar‘iyyah dari segi falsafah dan penghayatannya, walaupun tidak menggunakan istilah Siyasah Syar‘iyyah secara langsung. Hal demikian adalah kerana istilah tersebut masih belum begitu ditonjolkan di dalam masyarakat. Menurut Wan Nik Wan Yussof (2015) pula, sumbangan terbesar Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat ialah bagaimana beliau telah mengasaskan pembinaan Siyasah Syar‘iyyah di negeri Kelantan menerusi sistem yang ada. Semenjak memegang tumpuk pentadbiran Negeri Kelantan, Tuan Guru sentiasa memberi peringatan agar apa jua program, aktiviti dan aturan di peringkat jabatan atau agensi di bawah Kerajaan Negeri hendaklah disesuaikan dengan dasar yang telah diputuskan, bermula dengan memahami konsep Islam sebagai al-Din, diikuti dengan menghayati dasar Membangun Bersama Islam dan seterusnya mengamalkan urus tadbir berpandukan teras *ubudiyah, mas’uliyyah* dan *itqan* (Wan Nik Wan Yussof 2015).

Dengan berpandukan kepada hukum Islam yang sangat maju dalam melindungi hak-hak wanita, pelbagai perubahan ke arah memartabatkan wanita telah dilakukan di bawah dasar tersebut dengan melihat kepada kapasiti Kelantan sebagai sebuah kerajaan negeri. Antaranya ialah mengadakan kempen kesedaran menutup aurat dan kod pakaian sopan bagi pekerja wanita Islam dan bukan Islam, kaunter berasingan bagi pelanggan lelaki dan wanita

di pasar raya, menambahkan cuti bersalin kepada kakitangan wanita kerajaan negeri dari 42 hari kepada 60 hari, mengharamkan iklan yang mempamerkan wanita yang tidak menutup aurat, menutup salon-salon uniseks dan lain-lain (Ismail Yusoff 2015).

Langkah-langkah awal tersebut telah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan saluran, terutamanya dalam hal yang melibatkan pelaksanaan hukum syarak. Antaranya ialah melalui arahan daripada YAB Menteri Besar sendiri, melalui keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, melalui kertas Belanjawan Tahunan yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri setelah diluluskan oleh Dewan yang bersidang, melalui rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mahupun merujuk kepada manifesto parti semasa kempen pilihanraya diadakan (Mohd Fadli Ghani 2011).

Untuk memastikan program pembangunan wanita dijalankan secara bersepadu dan berkesan, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menentukan beberapa pihak yang utama dalam melaksanakan dasarnya terhadap wanita. Ini dapat dilihat melalui perkembangan pihak yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan dasar Islam negeri Kelantan terhadap wanita bermula dari tahun 1990 lagi. Perubahan-perubahan yang dilalui itu boleh dianggap sebagai tahap-tahap peningkatan dari sudut pentadbiran dan pelaksanaan. Sehinggalah tergubalnya Dasar Wanita Negeri Kelantan secara rasmi pada tahun 2001, program pembangunan wanita dilihat lebih progresif dan terancang dengan pelbagai program dan projek yang menjaga kebijakan kaum wanita di negeri Kelantan.

Kewujudan dan pelaksanaan Dasar Wanita yang khusus di bawah dasar utama “Membangun Bersama Islam” mempunyai kepentingan yang cukup unik. Kaitannya dengan kemaslahatan wanita dilihat begitu signifikan terutama sekali dalam menentukan neraca, nilai, halatuju dan objektif strategik bagi Kerajaan Kelantan dalam menjaga kepentingan dan pembangunan wanita secara lebih terancang dan berkesan (Mohd Fadli Ghani 2011).

Dalam Himpunan Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim (2005), pernyataan Dasar Wanita Negeri Kelantan tersebut telah dirakamkan sebagaimana berikut:

*Dengan berpegang pada dasar utama dan matlamat Dasar Wanita ini dan selaras dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Dasar Wanita Kebangsaan serta meneliti Agenda Wanita Untuk Perubahan yang telah diisytiharkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita nasional dalam tahun 1999. Berikut adalah prinsip bagi Dasar Wanita Kelantan:*

1. *Berpegang pada cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dalam hal memuliakan, membangun dan memperkasakan wanita di negeri Kelantan.*
2. *Membela hak asasi wanita, menjamin perlindungan undang-undang dan kebebasan individu secara adil dan saksama.*
3. *Bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan wanita dengan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, isu dan keperluan wanita dengan mengenalpasti tidak ada diskriminasi gender terhadap wanita.*
4. *Mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga wanita*

*secara adil dan bersetujuan dengan batas-batas syarak dan agama dalam sektor ekonomi, politik dan budaya.*

5. *Meningkatkan pengiktirafan suara wanita dalam masyarakat bagi mencapai dan menggalakkan keadilan gender dan berusaha ke arah masyarakat yang adil dan demokratik.*

Bagi mencapai matlamat Dasar Wanita Kelantan pula, beberapa objektif strategik telah digariskan sebagaimana berikut:

1. *Mempertahankan dan membina kemuliaan dan kemaslahatan wanita melalui pengukuhan akhlak dan moral wanita yang terpuji.*
2. *Membangun wanita sebagai potensi sumber manusia terpenting untuk pembangunan masyarakat di negeri ini.*
3. *Menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan masyarakat dalam bidang yang bersetujuan dengan membekalkan ilmu dan kemahiran menurut keperluan semasa.*
4. *Memastikan perkongsian yang adil terhadap peluang penyertaan dan manfaat pembangunan dan perkongsian terhadap sumber-sumber antara wanita dan lelaki.*
5. *Memastikan ruang dan peluang yang adil untuk wanita meningkatkan kemajuan kerjayanya dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta.*
6. *Mempertahankan dan meneguhkan sistem kekeluargaan supaya ia tetap dibina dan diurus berdasarkan cara hidup Islam atau cara hidup yang berdasarkan ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta moral sejagat demi kesejahteraan masyarakat Kelantan.*

Dasar ini dilaksanakan berdasarkan beberapa strategi utama iaitu pembentukan Unit Pembangunan Wanita (UPW) Kelantan, pembentukan Majlis Perundingan Wanita (MPW) Kelantan, pelaksanaan program Induksi Dasar Wanita Kelantan seperti Kempen Kepakaan Gender dan peruntukan anggaran belanjawan untuk pelaksanaan program pembangunan wanita Kelantan.

Berdasarkan strategi yang digariskan, UPW sebagai pelaksana utama telah ditubuhkan untuk merancang, menyusun dan mengawal program pembangunan wanita di Kelantan melalui usaha yang distrukturkan di bawah kerajaan negeri. Pada peringkat awal, UPW merupakan satu portfolio lanjutan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan dengan ditentukan bidang kuasa yang mencukupi untuk menjadi jentera yang berkesan memantau perlaksanaan Dasar Wanita kerajaan Kelantan.

Sebagai jentera rasmi kerajaan, fungsi-fungsi UPW ialah:

1. Menyelaras fungsi jabatan, unit dan agensi di bawah kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam konteks menjayakan Dasar Wanita Negeri Kelantan.
2. Menyelaras fungsi jabatan, unit dan agensi di bawah jadual bersama Persekutuan Negeri atau Kerajaan Pusat, Badan-badan berkanun dan Bukan Kerajaan untuk menjayakan Dasar Wanita Negeri Kelantan.
3. Menyelaras, menyalur dan menggerakkan apa-apa agenda perubahan seperti *blue print* pelan tindakan untuk pembangunan wanita yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri kepada jabatan kerajaan, organisasi swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk dilaksanakan.

4. Merancang pengagihan sumber-sumber kepada pelbagai sektor yang mengendalikan program yang berkaitan dengan wanita.
5. Menguatkuasakan peraturan dan tindakan yang tegas terhadap kes-kes penderaan dan diskriminasi terhadap wanita.

Pada tahun 2005, fungsi UPW sebagai sebuah unit telah dinaik taraf sebagai sebuah Urus Setia secara rasmi dengan nama Urus Setia Penerangan, Wanita, Belia dan Sukan (UPWBS) bagi memperkasakan lagi agenda pembangunan wanita di negeri Kelantan kerana di dalam sistem pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, sesebuah Urus Setia diletakkan di bawah pemantauan Menteri Besar secara langsung. Seterusnya pada tahun 2008, Urus Setia Pembangunan Wanita telah dipengerusikan oleh EXCO Wanita sendiri iaitu YB Hjh. Wan Ubaidah Omar dengan nama Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK). Bermula tahun 2013 pula, Urus Setia tersebut dipengerusikan oleh YB Hjh Mumtaz Md Nawi dengan nama Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat yang kemudiannya disusun semula menjadi Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK). Melihat kepada proses perubahan dan penambah baikan dari sudut pentadbiran, dianggarkan bahawa program-program yang dilaksanakan juga telah memperolehi pencapaian yang boleh dibanggakan.

### **3. Pencapaian Program Wanita Di Bawah Dasar Membangun Bersama Islam**

Meskipun pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah memasyurkan 100 inisiatif Kelantan Cakno Wanita dalam pelbagai bentuk (Samhani Ismail 2016), namun kajian ini akan memfokuskan pada empat program wanita yang terpilih sahaja sebagai petunjuk penting pencapaian program wanita negeri Kelantan yang telah dilaksanakan oleh Urus Setia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan. Program-program ini dilaksanakan secara berkala dengan matlamat jangkamasa panjang yang jelas bagi manfaat pembangunan wanita negeri Kelantan.

#### **3.1 Kuliah Bulanan Wanita (KBW)**

Bermula Januari 2010, pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan Kuliah Bulanan Wanita secara rasmi pada setiap bulan khusus kepada wanita berkerjaya dari seluruh negeri Kelantan. Sasaran peserta adalah dari agensi kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, syarikat-syarikat swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan, sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi-institusi pengajian tinggi, Pusat Pembangunan Wanita Kelantan, Pusat Pembangunan Armalah DUN, institusi-institusi perbankan, ahli-ahli PURNAMA dan PUSPANITA Negeri.

Dengan memaparkan topik-topik yang menarik bagi membekalkan pengetahuan yang diperlukan untuk manfaat wanita berkerjaya, Kuliah Bulanan Wanita menjadi satu *benchmark* pencapaian program wanita Negeri Kelantan. Penganjuran kuliah tersebut sejak tahun 2010 hingga kini bagaiakan ditunggu-tunggu oleh wanita berkerjaya untuk mendapat ilmu pengetahuan dan motivasi daripada penceramah-penceramah yang berkualiter serta mendapat maklumat-maklumat terkini daripada pihak kerajaan negeri. Pencapaian program ini juga dapat dilihat dengan kehadiran peserta yang konsisten. Sehingga kini, dianggarkan purata kehadiran kakitangan wanita seramai 500 orang setiap kali program tersebut diadakan (Samhani Ismail 2016).

Dengan sambutan yang begitu menggalakkan daripada golongan wanita Kelantan, pihak UPWK telah mara selangkah dalam penganjuran kuliah bulanan. Bermula pada tahun

2014, Kuliah Fiqh Wanita mula dilancarkan di setiap jajahan di negeri Kelantan dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Kuliah bulanan tersebut memfokuskan pengajian fiqh oleh tenaga pengajar wanita untuk kaum wanita untuk menyemarakkan lagi budaya ilmu bagi menyuluh kehidupan para wanita Kelantan dengan cahaya agama. Sudah tentu hal ini merupakan satu pencapaian yang begitu baik buat wanita Kelantan. Ini membuktikan keseriusan pihak kerajaan negeri untuk membekalkan ilmu pengetahuan kepada wanita menurut keperluan semasa dalam membangun wanita sebagai potensi sumber manusia terpenting untuk pembangunan masyarakat di negeri ini.

### **3.2 Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)**

Salah satu petunjuk penting kejayaan peranan UPWK ialah kejayaan melatih golongan wanita di dalam bidang kerjaya, kemahiran dan perekonomian. Dengan menujuhkan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di peringkat DUN bermula pada tahun 2005, kini sebanyak 46 buah PPWK telah ditubuhkan di 45 buah DUN di seluruh negeri Kelantan. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat setempat terutama golongan wanita sebagai peserta. Yuran yang dikenakan adalah serendah RM5 atau RM10 setiap bulan adalah amat berbaloi memandangkan mereka dilatih dengan kemahiran jahitan, asas berdikari, keusahawanan dan perniagaan (Samhani Ismail 2016).

Antara pencapaian program ini ialah apabila para peserta berjaya menghasilkan produk-produk usaha wanita yang khusus bagi setiap PPWK seperti baju kurung tradisional, baju kurung moden, pakaian kanak-kanak, blaus, *skirt* dan seluar *slack*. Sehingga tahun 2014, 1765 orang peserta PPWK telah bergraduat setelah berjaya menyempurnakan enam modul jahitan sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak UPWK (Asmak Husin 2016).

Di samping pembelajaran bermodul tersebut, PPWK juga telah berjaya menganjurkan beberapa program untuk memupuk sifat berdikari dalam diri wanita. Antaranya ialah projek Jom Buat Duit Dari Rumah, Bengkel Pengendalian dan Penyelenggaraan Mesin Jahit dan Kem Bina Usahawan PPWK. Program-program tersebut menzahirkan keprihatinan kerajaan negeri Kelantan dalam menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan masyarakat dalam bidang yang bersesuaian dengan membekalkan ilmu dan kemahiran menurut keperluan semasa.

### **3.3 Program Pembangunan Armalah**

Di dalam ajaran Islam, amalan menjaga kebijakan golongan armalah merupakan tanggungjawab sosial yang amat ditekankan. Di dalam hadith riwayat Muslim (2004) no. 2982, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*Orang yang menjaga kebijakan golongan armalah dan orang miskin adalah umpama orang yang berjihad di jalan Allah.*

Bertepatan dengan saranan tersebut, Kerajaan Negeri Kelantan telah memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya kepada golongan armalah. Contohnya pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan belanjawan sebanyak RM 2 juta untuk golongan armalah di mana mereka diberi bantuan dalam bentuk “one-off” dan disediakan juga projek sosio-ekonomi seperti dalam projek industri, kedai jahit, ternakan, penjualan kuih muih dan sebagainya. Peruntukan ini diagihkan melalui ADUN atau Penyelia DUN, dan biasanya disampaikan pada bulan Ramadhan menjelang Hari Raya Aidil Fitri. Peruntukan

tersebut juga disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut jajahan masing-masing sebagaimana nama yang disenaraikan. Bagi melancarkan lagi operasi ini, jawatan Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD) telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri. (Nik Mohd Azlan Abdul Hadi 2014)

Sehingga kini, di samping program Bantuan Armalah, turut diwujudkan beberapa program yang lain bagi membantu, melindungi dan membina jati diri golongan armalah di negeri Kelantan iaitu Skim Manfaat Armalah, Skim Khairat Armalah dan Armalah Niaga (Dokumen Taklimat Taklimat Tadbir Urus Kerajaan Negeri Kelantan 2015). Program-program sebegini telah mendatangkan manfaat yang besar kepada golongan armalah dalam meringankan beban hidup mereka.

### **3.4      *Program Sambutan Hari Wanita***

Bagi menghargai sumbangan besar yang dimainkan oleh golongan wanita di samping memuliakan martabat mereka, kerajaan negeri Kelantan turut menganjurkan program Sambutan Hari Wanita secara besar-besaran pada setiap tahun bermula pada tahun 2006. Program ini bertujuan untuk menghimpunkan para wanita dan menghargai serta mengiktiraf sumbangan mereka dalam pelbagai bidang. Setiap tahun, pelbagai anugerah diberikan oleh pihak kerajaan negeri kepada tokoh-tokoh wanita, sesuai dengan sumbangan yang telah diberikan oleh mereka di dalam bidang masing-masing. Sasaran program ini adalah seramai 1000 orang yang terdiri daripada wanita pelbagai peringkat usia, budaya, agama dan fahaman politik.

Bermula pada tahun 2015, program Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Kelantan telah diberi nama baru iaitu Sambutan Hari Saidatina Khadijah bagi mengetengahkan personaliti Saidatina Khadijah sebagai ikon semua wanita dalam semua aspek peribadi, keusahawanan, keluarga, politik dan masyarakat. Pada tahun 2016 pula, Sambutan Hari Saidatina Khadijah telah julung-julung kali diadakan di peringkat internasional selama 4 hari dengan pelbagai pengisian seperti Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan (MISK), ekspo dan pameran, pelancaran buku, penganugerahan tokoh wanita, forum, majlis makan malam, Malam Kesenian Muslimah, lawatan bersama delegasi luar negara dan lain-lain lagi (Buku Program Sambutan Hari Saidatina Khadijah 2016).

Pada masa yang sama, sambutan Hari Saidatina Khadijah turut diadakan di peringkat DUN bagi memberi peluang kepada golongan wanita dari serata DUN beramah mesra dan memperoleh manfaat daripada penganjuran program tersebut.

Hasil daripada perbincangan ringkas ini didapati bahawa keempat-empat program wanita yang diperkenalkan di negeri Kelantan di atas telah mencapai kejayaan secara realiti terutama dalam menyedarkan wanita Kelantan akan peranan yang harus dimainkan oleh mereka sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga, pendidik generasi akan datang, pemangkin produktiviti masyarakat, penyumbang kepada ilmu pengetahuan dan pencetus kecaknaan aktivisme sosial (Himpunan Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri Kelantan 2005). Hal ini perlu diperakui dengan insaf dan sedar bahawa belum ada mana-mana negeri yang melaksanakan program-program sebegini dengan begitu serius dan konsisten.

#### **4. Cabaran Dalam Melaksanakan Program Wanita Kelantan**

Perkataan cabaran bermaksud perihal mencabar iaitu mempersoalkan atau mempertikaikan. Cabaran juga bermaksud ajakan untuk berlawan. Cabaran juga boleh bermaksud sesuatu unsur atau faktor yang menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi (Kamus Dewan 2007).

Dalam melaksanakan program-program wanita di negeri Kelantan, pihak kerajaan negeri telah menghadapi pelbagai cabaran untuk terus melaksanakan dasar “Membangun Bersama Islam”. Cabaran-cabaran tersebut dihadapi kerana beberapa faktor. Antaranya ialah kerana menjadi sebuah kerajaan negeri yang ditadbir oleh pakatan pembangkang, seterusnya kerana ingin membawa perubahan berdasarkan aspirasi Islam yang menyeluruh. Tidak kurang juga cabaran yang berpunca daripada kurang kefahaman sama ada di pihak yang terlibat dengan pelaksanaan dasar mahupun dalam kalangan rakyat sendiri.

Cabaran-cabaran yang dibincangkan di sini bukan hanya melibatkan empat program wanita sebagaimana di atas, tetapi mencakupi semua cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kelantan secara umum dan Urus Setia Pembangunan Wanita secara khusus. Cabaran-cabaran tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

##### **4.1 Cabaran Dalaman**

Dimaksudkan dengan cabaran dalaman ialah halangan-halangan yang menguji kemampuan pelaksanaan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan secara langsung.

Cabaran pertama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri ialah kekurangan kewangan dalam melaksanakan program pembinaan insan termasuk program pembangunan wanita (Nik Mohd Azlan 2014). Kerajaan PAS Kelantan sangat menekankan pembangunan insan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang baik bagi melahirkan negeri dan negara yang baik. Kekurangan kewangan ini adalah disebabkan oleh tabung kewangan negeri yang kurang dan peruntukan kewangan dari Kerajaan Pusat yang tidak dihantar mengikut jadual (Nik Abdul Aziz Nik Mat 1995). Cabaran yang perlu ditangani dalam masalah kekurangan kewangan ialah dengan mengadakan “rapport” yang baik dengan Kerajaan Persekutuan dan dalam masa yang sama hendaklah memikirkan jalan untuk menjana ekonomi negeri melalui penarikan pelabur-pelabur asing ke Kelantan dengan menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan (Nik Mohd Azlan Abdul Hadi 2014) Justeru itu, walaupun program-program wanita negeri Kelantan memperlihatkan pencapaian yang baik, namun hakikatnya dengan kedudukan kewangan yang kukuh, kerajaan negeri Kelantan sudah pasti berpeluang untuk memperhebatkan lagi program wanita negeri Kelantan untuk manfaat semua.

Cabaran seterusnya yang dihadapi dalam melaksanakan program wanita ialah dari sudut komitmen pentadbiran. Kedudukan UPWK sebagai sebuah portfolio lanjutan di bawah Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan menjadikan status perlantikan semua kakitangan UPWK dari peringkat Pengarah sehingga ke kakitangan sokongan diletakkan di dalam kategori “lantikan politik”. Menerusi temubual bersama Cik Adyani Mohamed, Penolong Pengarah Pembangunan Wanita UPWK, antara cabaran yang dihadapi sebagai lantikan politik ialah tidak mendapat keistimewaan sebagaimana kakitangan kerajaan negeri yang lain seperti kemudahan latihan, peruntukan bayaran untuk kerja lebih masa (*overtime*), pemberian slip gaji dan seumpamanya.

Rentetan daripada itu, seringkali terdapat kakitangan yang sudah berkhidmat sekian lama memilih untuk berhenti kerja apabila mendapat tawaran pekerjaan yang lebih terjamin walaupun mereka berpuas hati dengan suasana bekerja di pejabat UPWK.

Bagi mengekalkan komitmen staf sebagai pelaksana utama bagi agenda yang besar ini, pihak UPWK mengambil beberapa inisiatif seperti mengamalkan budaya kerja bersama-sama sebagai satu pasukan umpama sebuah keluarga yang besar setiap kali program diadakan walaupun program tersebut asalnya dianjurkan oleh salah satu daripada unit-unit yang wujud di dalam Urus Setia bagi menerbitkan rasa kebersamaan atau *sense of belonging*. Bermula tahun 2013 juga pihak UPWK mula menganjurkan usrah mingguan kepada semua staf UPWK bagi mengukuhkan ukhuwwah dan menambah penghayatan terhadap teras *ubudiah*, *mas'uliyyah* dan *itqan* melalui pengisian ilmu dan kerohanian. Kebersamaan di kalangan mereka juga terserlah dari sudut kebajikan staf yang amat dititik beratkan oleh EXCO Wanita sendiri. Hasil daripada budaya kerja yang dibentuk, pihak UPWK dapat mengekalkan kakitangan yang berketerampilan tinggi, yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi dari peringkat diploma sehingga ke peringkat sarjana, yang penuh keikhlasan dan integriti serta bersungguh-sungguh membawa aspirasi Islam sebagai kakitangan mereka.

Antara cabaran dari sudut pentadbiran juga ialah dalam menyampaikan kehendak kerajaan kepada kumpulan sasaran. Program wanita yang diaksanakan oleh pihak UPWK bukan hanya dilaksanakan di peringkat negeri, tetapi juga diperturunkan ke peringkat Parlimen dan DUN. Malah terdapat beberapa program yang dilaksanakan di peringkat DUN yang memilih tempat program yang berbeza agar manfaat program dapat dirasai oleh lebih ramai kumpulan sasaran sehingga ke akar umbi. Untuk menjayakan matlamat yang diinginkan oleh pihak kerajaan negeri, kakitangan UPWK dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan bentuk pelaksanaan program dengan pihak pelaksana di semua peringkat. Cabaran tugas perhubungan dan penyelarasannya dengan pihak pelaksana program di peringkat parlimen dan DUN berkait rapat dengan seni berkomunikasi dalam menyalurkan maklumat dan mengumpul kembali laporan yang diperlukan. Antara cabaran yang timbul ialah apabila matlamat program tidak dapat disampaikan dengan tepat.

Bagi mengurangkan masalah yang mungkin timbul, pihak UPWK telah menyediakan garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (S.O.P) yang perlu diikuti oleh semua kakitangan dalam melaksanakan tugas mereka. Taklimat demi taklimat diberikan setiap kali tugas ingin dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan sistem perhubungan dan penyelarasannya. Pihak UPWK juga telah mengkhususkan satu hari dalam seminggu sebagai Hari Pelanggan bagi memudahkan semua pihak yang terlibat untuk berurus dengan pihak mereka.

Cabarannya seterusnya ialah dalam mempelbagaikan saluran publisiti dan penerangan kepada rakyat mengenai usaha-usaha kerajaan negeri Kelantan memartabatkan wanita melalui pelbagai program dan aktiviti. Memandangkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan tidak diberi ruang untuk membuat liputan publisiti dan penerangan di dalam kebanyakan akhbar, siaran televisyen dan media massa, adalah tidak menghairankan apabila rakyat Kelantan sendiri tidak sedar tentang usaha-usaha dan program-program yang dilaksanakan di negeri sendiri.

Justeru itu, bagi memastikan program-program mendapat publisiti yang sewajarnya, pihak UPWK telah mengambil inisiatif untuk merancakkan penyebaran maklumat tentang program wanita melalui penggunaan *billboard*, sistem khidmat pesanan ringas atau SMS,

melalui media sosial seperti *facebook*, *youtube*, aplikasi *telegram*, *whatsapp* dan lain-lain. Perhubungan melalui SMS dan media sosial dipermudahkan lagi apabila pihak UPWK menjalankan proses pendaftaran program secara berkomputer bagi mengumpul maklumat peserta yang hadir untuk dihubungi bagi program-program seterusnya. Malah pihak UPWK juga telah membuktikan kreativiti dan inovasi mereka dengan membina aplikasi mudah alih “myUPWK” yang boleh dimuat turun pada telefon pintar bagi memaparkan informasi terkini daripada pihak UPWK.

#### **4.2 Cabaran Luaran**

Cabarluan bermaksud halangan-halangan daripada pihak yang berkait dengan Kerajaan Negeri Kelantan secara tidak langsung.

Antara cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan program-program wanita ialah tentang yang bersifat politik dan liberal. Pembaharuan-pembaharuan yang melibatkan wanita pada peringkat awal pelaksanaan dasar “Membangun Bersama Islam” telah mendapat pelbagai tohmahan dan tuduhan. Usaha-usaha untuk melaksanakan hukum Islam terhadap wanita pula dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi terhadap wanita (Mohd Fadli Ghani 2011). Begitu banyak perubahan yang dimulakan oleh Tuan Guru Menteri Besar dianggap radikal dan tidak menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara. Di antara perubahan yang telah mendapat tentang ialah apabila Kerajaan Negeri Kelantan mengambil keputusan untuk memanjangkan tempoh cuti bersalin bagi pegawai dan kakitangan wanita Kerajaan Negeri dari 42 hari kepada 60 hari (Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 1991), dan terkini selama 90 hari. Pada peringkat awal, perubahan ini dicemuh oleh Kerajaan Pusat tetapi akhirnya perubahan ini turut dilaksanakan di seluruh negara (Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 2008).

Dalam kajian Nik Mohd Azlan Abdul Hadi (2014), antara lainnya menyebut apabila kerajaan negeri Kelantan melarang wanita bekerja malam disebabkan keselamatan mereka tidak terjamin, maka datanglah pelbagai tuduhan dan tohmahan dengan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri mendiskriminasikan wanita, menghalang wanita daripada terus maju, tidak membenarkan wanita menimba ilmu, dasar kolot dan sebagainya. Tuduhan dan tohmahan ini walau bagaimanapun dapat diatasi dengan baik kerana apa yang dilakukan oleh Kerajaan Kelantan adalah bertujuan baik dan akhirnya diterima oleh semua pihak termasuk kerajaan persekutuan. (Panel Pusat Kajian Strategik 2009)

Termasuk cabaran dalam melaksanakan program-program wanita oleh Kerajaan Negeri Kelantan ialah kurangnya kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Menurut Cik Adyani Mohamed, permohonan pihak UPWK untuk mengadakan kunjungan ke pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan juga tidak mendapat respon yang positif. Walaupun demikian, pihak UPWK tetap meneruskan agenda pembangunan wanita mengikut dasar “Membangun Bersama Islam” dengan penuh keiltizaman kerana situasi tersebut merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan negeri Kelantan pasca 1990. Kerjasama yang sepatutnya diperolehi daripada pihak Kerajaan Persekutuan tidak diperolehi kerana setiap program yang dianjurkan oleh parti pembangkang walaupun di atas nama kerajaan negeri secara rasmi akan dilihat mempunyai agenda politik di belakangnya (Nik Mohd Azlan Abdul Hadi 2014).

Tidak boleh diabaikan juga cabaran dalam konteks ini ialah seluruh wanita di dalam masyarakat itu sendiri yang menjadi sasaran pelaksanaan dasar “Membangun Bersama Islam” ini. Sebagai contoh, meskipun masyarakat Kelantan secara umumnya bersifat beragama, namun hasil observasi setelah 25 tahun pelaksanaan dasar, masih wujud sikap wanita Kelantan yang memandang remeh terhadap kewajipan menutup aurat sedangkan pihak kerajaan negeri telah melancarkan pelbagai bentuk kempen dan penerangan, manakala Pihak Berkuasa Tempatan pula melaksanakan tindakan kompaun terhadap peniaga yang tidak menutup aurat. Cabaran kemasyarakatan ini berkait rapat dengan cabaran mencari pendekatan dakwah yang paling efektif untuk memberi kesedaran menyeluruh kepada masyarakat tentang matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan negeri Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar pernah mengulas tentang bantahan daripada sebahagian wanita terhadap kempen menutup aurat. Tuan Guru menegaskan bahawa arahan menutup aurat bagi wanita Islam merupakan suruhan agama, maka amat tidak wajar jika bantahan tersebut datang daripada golongan Melayu Islam sendiri. Beliau juga menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab bagi sebuah kerajaan Islam untuk memastikan setiap peraturan Islam dilaksanakan termasuklah soal penutupan aurat di kalangan wanita Islam. Sekiranya dalam kawasan rumah mereka bebas dalam berpakaian, namun apabila mereka keluar rumah dan terbabit dengan orang ramai, perlu ada peraturan tertentu dalam cara berpakaian, lebih-lebih lagi penutupan aurat adalah langkah untuk mencegah perkara yang tidak bermoral berlaku dalam masyarakat. (Buletin UPKN Bil. 37/ Dis 2006)

Bagi mempelbagaikan pendekatan dakwah, pihak UPWK telah menggunakan platform Kuliah Bulanan Wanita, Kuliah Fiqh Wanita, pertandingan Video Pendek Pakaianku Pakaian Solatku dan pelbagai program yang lain bagi meneruskan kempen-kempen menutup aurat yang sedia ada dengan memberi pengisian ilmu, membangkit kesedaran, membekalkan bahan bercetak sebagai rujukan dan lain-lain lagi. Malah sebuah Jawatankuasa Pendidikan dan Pematuhan Aurat juga telah ditubuhkan bagi memastikan pematuhan penjagaan aurat dimulakan dalam kalangan penjawat awam Kerajaan Negeri Kelantan sendiri (Samhani Ismail 2016)

## 5. Penutup

Demikianlah pencapaian beberapa program wanita yang telah dilaksanakan di negeri Kelantan serta cabaran yang terpaksa dihadapi dalam menjayakan dasar ‘‘Membangun Bersama Islam’’. Meskipun terdapat pelbagai bentuk cabaran yang terpaksa dihadapi, pihak kerajaan negeri Kelantan tetap konsisten dalam meneruskan agenda mereka untuk membangunkan negeri dan rakyat berpandukan acuan Islam.

## Bibliografi

- Asmak Husin dll. (2016), Empowering Muslim Women: The Role of Kelantan Women Development Centre (PPWK), dalam Prof Dr. Badlisham Mohd Nasir (et.al), *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim* (2005). Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, jld. 3.
- Dokumen Taklimat Tadbir Urus Kerajaan Negeri Kelantan* (2015), dalam program Induksi Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) pada 21 Disember 2015 bertempat di Kompleks Kota Darulnaim.
- Ismail Yusoff (2015), *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik*. Sintok: UUM Press.
- Kamus Dewan* (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Keempat.
- Kertas Dasar Membangun Bersama Islam*. Panel Penggubalan Dasar Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Ahli EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, YB Haji Hassan Mahmood, bertarikh 11 Julai 2006.
- Mohd Fadli Ghani et. al (2011), *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
- Muslim bin al-Hajjaj (2004), *Sahih Muslim*, Beirut: Maktabah al-Asriyya.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat (1995), *Kelantan Universiti Politik Terbuka*. Kota Bharu: Maahad al-Dakwah Wal- Imamah.
- Nik Azlan Abdul Hadi (2014), *Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah*. Tesis Ph.D, Program Pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Panel Pusat Kajian Strategik (2009), *Isu-isu Pentadbiran Kerajaan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Kelantan 1990-2010: Satu Analisis*, dalam Seminar 20 tahun Kepimpinan Ulamak Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Menteri Besar Kelantan. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Peraturan Berpakaian, Hormati Budaya Kami – Tuan Guru*, Buletin Urus Setia Penerangan Kerajaan negeri Kelantan (UPKN) Bil. 37/ Zulkaedah 1427/ Disember 2006.
- Samhani Ismail (2016), *Membangun Bersama Islam Memartabatkan Wanita Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kerajaan Negeri Kelantan.
- Shukeri Mohamad (2009), *Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan*, Thesis PhD, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Nik Wan Yussof (2015), *Legasi Tok Guru: Politik dan Dakwah*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1991. Kerajaan Negeri Kelantan Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/ Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 dan 26 Bab “C”.

Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2008. Kerajaan Seri Paduka Baginda Malaysia. Kemudahan Cuti Pegawai Bersalin.